

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU**  
**YOON [ TEBRAU ]**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 19**

**Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab mengapa kawasan perindustrian Tanjung Langsat dalam Parlimen Tebrau kurang menarik kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan. Adakah ianya kerana kemudahan infrastruktur di Pelabuhan Tanjung Langsat tidak dapat menampung penambahan kapasiti kargo pepejal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (KPTL) telah mula dibangunkan oleh Johor Corporation pada tahun 1995 dengan keluasan dibangunkan 5,004 ekar. Kompleks Perindustrian ini dibangunkan bertujuan memenuhi keperluan industri berat dan industri yang memerlukan kemudahan pelabuhan. Pelabuhan Tanjung Langsat menawarkan pengguna kemudahan pengendalian kargo cecair di 7 dermaga dengan kapasiti maksima 30 juta metrik tan setahun dan kargo pukal kering di 2 dermaga yang mempunyai kapasiti 2 juta metrik tan setahun. Sehingga 30 September 2019, jumlah kargo pukal kering yang dikendalikan adalah hampir 400,000 metrik tan, bermakna jeti tersebut masih mempunyai kapasiti untuk mengendalikan kargo pukal kering yang lebih banyak. Sehingga kini, KPTL seluas 2,162.49 ekar atau 68% daripada

kawasan boleh dipajak telah berjaya dipajak kepada pelabur tempatan dan asing dengan nilai pelaburan hampir RM 28 bilion dan dapat memberi peluang pekerjaan di bidang-bidang teknikal, pentadbiran dan kewangan serta peluang perniagaan dan perkhidmatan sokongan. Sambutan terhadap KPTL amat menggalakkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, KPTL sentiasa berhati-hati di dalam memilih pelabur yang ingin melabur di situ dengan memilih jenis pelaburan dan latar belakang pelabur demi memastikan manfaat yang diperolehi oleh Negeri Johor khususnya dan Negara amnya adalah pada tahap yang optimum.

Berikut ialah data pajakan tanah, nilai pelaburan dan peluang pekerjaan yang dijana untuk KPTL bagi tempoh 2016 – September 2019:

<b>TAHUN</b>	<b>LUAS (EKAR)</b>	<b>NILAI PELABURAN (RM JUTA)</b>	<b>PELUANG PEKERJAAN</b>
<b>2016</b>	84.624	1,354.0	584
<b>2017</b>	54.404	396.40	333
<b>2018</b>	120.299	748.40	1,118
<b>Januari – September 2019</b>	12.264	116.70	172
<b>JUMLAH</b>	<b>271.591</b>	<b>2,615.50</b>	<b>2,207</b>

Bagi tempoh Januari – Ogos 2019 sahaja, Johor Corporation telah menerima 59 pertanyaan dari bakal pelabur untuk KPTL berbanding 150 pertanyaan yang diterima untuk tanah-tanah industri milik Johor Corporation. Pihak Johor Corporation juga sedang berbincang dengan beberapa pelabur berpotensi dari dalam dan luar negara bagi menempatkan operasi mereka di KPTL. Data di atas menunjukkan KPTL masih menjadi pilihan pelabur tempatan dan asing.

Pihak Kerajaan Negeri Johor dan Johor Corporation akan terus mempertingkatkan aktiviti promosi dengan menyertai Misi Pelaburan keluar Negara, seminar, pameran dan lawatan ke pelabur-pelabur berpotensi bagi menarik pelaburan asing dan tempatan ke KPTL dan kawasan-kawasan industri milik Johor Corporation.